

DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN RAJA BERPERLEMBAGAAN



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI

Apakah maksudnya?



- Diterajui pilihan rakyat melalui pilihan raya
- Dilaksanakan oleh ahli Parlimen dengan perkenan dari Raja-Raja Melayu
- Termaktub di bawah dasar dan undang-undang Perlembagaan Malaysia
- Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara

Pembahagian kuasa kepada tiga (3):

- 1) Eksekutif
- 2) Legislatif
- 3) Kehakiman



Apakah tugas Yang di-Pertuan Agong?

- Ketua Utama Negara
- Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia
- Menjalankan tugas-tugas di bawah Perlembagaan mengikut nasihat Perdana Menteri
- Ketua Agama Islam termasuk Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah-wilayah Persekutuan.
- Melantik Perdana Menteri, Jemaah Menteri dan membubarkan Parlimen



Apakah tugas Perdana Menteri?

- Menasihati Yang di-Pertuan Agong
- Ketua Jemaah Menteri
- Mempengerusikan mesyuarat Jemaah Menteri
- Ketua pentadbir utama negara
- Pegawai Diplomatik Utama



Apakah fungsi Raja-Raja Melayu?

- Memilih Yang di-Pertuan Agong dan timbalannya
- Mempersetujui atau tidak supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh
- Memperkenankan atau tidak apa-apa undang-undang dan membuat atau memberikan nasihat mengenai apa-apa pelantikan yang di bawah Perlembagaan
- Melantik anggota Mahkamah Khas
- Memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman
- Menimbang teliti soal-soal mengenai dasar negara dan apa-apa yang difikirkan patut.

4 Perkara yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan?

Pertukaran Kerajaan oleh mana-mana parti politik tidak boleh mengubah perkara utama di bawah;

Agama Islam sebagai agama rasmi

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

YDPA sebagai Ketua Utama Negara

Hak keistimewaan kepada orang Melayu

